

KERJASAMA STRATEGIK WAKALAH ZAKAT ANTARA LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DAN ETIQA TAKAFUL UNTUK MENCAPAI SDGs 2030

*Wakalah Zakat Strategic Collaboration Between Kedah State Zakat Board,
Universiti Utara Malaysia and Etiqa Takaful to Achieve SDGs 2030*

Azizah Othman^{1*}

Mohd Adil Mustaffa²

¹ Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat, Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia & Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia

² Ketua Bahagian Pendidikan, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Malaysia

*Corresponding author (Email: o.azizah@uum.edu.my)

Received: 3 September 2023, Reviewed: 17 September 2023, Published: 30 September 2023

Abstrak: Peranan zakat sangat penting dalam membangunkan ekonomi, politik dan sosial masyarakat Islam. Agihan zakat perlu dilaksanakan dengan efektif dan efisien kerana ia dapat membangunkan sosioekonomi secara keseluruhan. Salah satu bidang utama yang ditekankan oleh kerajaan ke arah mencapai Agenda Pembangunan Mampan menjelang tahun 2030 termasuk memberi pendidikan yang berkualiti dalam kalangan masyarakat. Kertas kerja ini bertujuan untuk meninjau usaha Lembaga Zakat Negeri Kedah, Universiti Utara Malaysia dan Etiqa Takaful yang berkolaborasi untuk membantu pelajar-pelajar yang miskin untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pascasiswazah. Kolaborasi di antara Lembaga Zakat Negeri Kedah dengan Universiti Utara Malaysia bermula pada tahun 2018 dengan penubuhan Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ). Pelajar-pelajar yang layak akan dipilih melalui sesi temuduga dan mereka akan dibiayai kos pengajian dan sara hidup melalui konsep wakalah wang zakat yang dibayar oleh pihak Etiqa Takaful kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian dokumentasi yang merujuk kepada data-data yang diambil dari pihak yang terlibat. Hasil kajian ini telah memberikan satu pendekatan baharu terhadap agihan zakat melalui sistem wakalah dan memberi peluang kepada golongan yang tidak berkemampuan untuk meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Ia boleh dijadikan satu model kepada semua pihak yang ingin menyumbang dana zakat dalam memperkasakan lagi pendidikan anak-anak asnaf.

Kata Kunci: Kerjasama strategik, Wakalah, Zakat, Etiqa Takaful, SDGs

Abstract: The role of zakat is very important in developing the economy, politics, and society of the Muslim community. Zakat distribution needs to be implemented effectively and efficiently because it can develop the overall socioeconomics. One of the main areas emphasized by the government towards achieving the Sustainable Development Agenda by 2030 includes providing quality education in the community. This paper aims to review the

efforts of the Kedah State Zakat Board, Universiti Utara Malaysia, and Etiqa Takaful which collaborate to help poor students to continue their studies at the postgraduate level. The collaboration between the Kedah State Zakat Board and Universiti Utara Malaysia began in 2018 with the establishment of the Zakat Research and Innovation Institute (IPIZ). Eligible students will be selected through an interview session and they will be funded through the concept of wakalah zakat money paid by Etiqa Takaful to the Kedah State Zakat Board. This study uses a qualitative method which is a documentation study that refers to the data taken from the parties involved. The results of this study have provided a new approach to the distribution of zakat through the wakalah system and allowed the underprivileged to continue their studies at a higher level. It can be used as a model for all parties who want to contribute zakat funds for empowering the education of poor students.

Keywords: Strategic Collaboration, Wakalah, Zakat, Etiqa Takaful, SDGs

PENGENALAN

Salah satu agenda dalam membasmi kemiskinan dan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) yang telah menjadi agenda global ialah melalui pendidikan yang berkualiti. Penghayatan dan pembangunan keupayaan mengenai isu kelestarian ini perlu didedahkan secara menyeluruh menjangkau sektor kerajaan, swasta dan masyarakat umum. Sebagai menyokong usaha murni ini, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN) telah menerima konsep wakalah sebagai dasar pengembalian semua wang zakat kepada pembayar zakat untuk diagihkan kepada asnaf yang layak termasuk memperkasakan bidang pendidikan. Dasar wakalah ini menjadi pemangkin dalam membantu meningkatkan kutipan zakat. Menurut Sayyid Sabiq (1999), wakalah ialah pemberian kuasa oleh seseorang kepada orang lain dalam hal-hal yang boleh diwakilkan. Fuqaha Maliki pula berpendapat bahawa wakalah adalah tindakan seseorang mewakilkan dirinya kepada orang lain untuk melakukan tindakan-tindakan yang merupakan haknya yang tindakan itu tidak dikaitkan dengan tindakan setelah mati. Jika ia dikaitkan dengan tindakan setelah mati bererti ia sudah berbentuk wasiat.

Menurut fuqaha Syafii pula, wakalah ialah suatu akad yang mengandungi penyerahan sesuatu oleh seseorang kepada orang lain supaya orang lain itu melaksanakan apa yang boleh dikuasakan atas nama pemberi kuasa. Namun apa bila kuasa itu telah dilaksanakan sesuai dengan yang disyaratkan, maka semua risiko dan tanggungjawab terhadap pelaksanaan perintah tersebut sepenuhnya terletak pada pihak pertama atau pemberi kuasa. Wakalah hanya sah pada hal yang bersangkutan dengan muamalat dan munakahat tetapi tidak boleh dalam ibadat melainkan ibadat haji dan umrah. Allah SWT telah menerangkan konsep wakalah ini dalam firmanNya yang bermaksud:

“...Sekarang utuslah (wakilkanlah) salah seorang dari kamu membawa wang perak kamu ini ke bandar, kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang di jual di sini) kemudian hendaklah dia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya...”

(al-Kahfi 18:19)

Dalil dari hadis yang menjadi landasan tentang keharusan akad wakalah antaranya ialah hadis oleh Imam Malik:

“...Bahawasanya Rasulullah mewakilkan kepada Abu Rafi’ dan seorang Ansar untuk mewakilkannya mengahwini Maimunah binti al-Harith...”

(Riwayat Malik)

Dalam kehidupan seharian Rasulullah SAW telah mewakilkan kepada orang lain untuk menyelesaikan berbagai urusan baginda antaranya membayar hutang, urusan zakat, urusan jual beli dan sebagainya.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang menekankan pembinaan makna, pemahaman konsep atau simbol dan istilah atau penerangan terperinci tentang sesuatu kejadian, objek atau proses (Tuckman, 1999). Menurut Strauss & Corbin (1998), kajian kualitatif ialah sebarang kajian yang menghasilkan keputusan bukan dengan cara prosedur statistik atau cara kuantitatif yang lain. Ia boleh merujuk kepada kajian berkenaan dengan kehidupan seseorang, cerita, tingkahlaku dan juga tentang fungsi organisasi atau perhubungan interaksi. Sesuai dengan metode yang digunakan, kajian ini mengaplikasikan dua teknik pengumpulan data iaitu metode perpustakaan dan juga penyelidikan lapangan yang berdasarkan metode temubual. Metode perpustakaan digunakan oleh penyelidik untuk mengumpul sebanyak mungkin data dan maklumat dalam bentuk tesis, buku, artikel, jurnal, majalah dan kajian ilmiah yang lain berkaitan dengan bidang kajian. Metode temubual digunakan oleh penyelidik untuk menemubual pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan zakat pendidikan dan pakar-pakar kewangan Islam.

KOLABORASI ANTARA LZNK DAN UUM

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) mula berkolaborasi dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) apabila ditubuhkan Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) pada tahun 2018 dan merupakan salah satu pusat kecemerlangan universiti. IPIZ mempunyai dua unit utama iaitu penyelidikan dan perundingan. Selain itu, IPIZ juga menjalankan program-program komuniti, latihan dan inovasi berkaitan zakat.

IPIZ juga berperanan membantu LZNK untuk meningkatkan kutipan zakat di negeri Kedah melalui penganjuran seminar dan bengkel serta menyelaras agihan zakat kepada pelajar dan staf akademik untuk menjalankan penyelidikan dan perundingan. Menerusi dana yang disuntik oleh LZNK, kerjasama strategik ini diharap dapat melonjakkan LZNK sebagai peneraju dalam membangunkan sosio ekonomi umat Islam khususnya di negeri Kedah dan pada masa yang sama menjadikan UUM sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan dan perundingan zakat di Malaysia.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs) DAN ZAKAT

Sustainable Development Goals (SDGs) merupakan agenda global yang merangkumi tiga dimensi utama iaitu sosial (56%), ekonomi (20%) dan alam sekitar (24%) yang ingin dicapai pada tahun 2030 oleh Malaysia. Ini selari dengan matlamat Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan disepakati oleh 193 anggota PBB pada 25 September 2015.

SDGs memiliki 17 matlamat dengan 169 sasaran yang ingin dicapai berdasarkan model global SDGs. Model SDGs adalah merupakan lanjutan daripada model *Millenium Development Goals* (MDGs) yang berakhir pada tahun 2015 tetapi tidak mencapai

sepenuhnya 100% matlamat yang disarankan. Oleh itu terbentuklah SDGs yang berteraskan kepada prinsip “*No One Left Behind*” dengan matlamat semua orang dapat manfaat daripada pembangunan yang berdaya tahan berdasarkan hak-hak asasi manusia yang menjurus kepada pembangunan sosial, ekonomi dan persekitaran. Selain itu, SDGs juga memberi fokus kepada mengakhiri isu kemiskinan yang menjadi masalah kepada negara-negara membangun.

SDGs dan zakat mempunyai beberapa perbezaan dari segi asasnya terutama zakat adalah daripada ajaran Islam yang telah disyariatkan oleh Allah SWT dengan dalil yang nyata di dalam al-Quran. SDGs pula adalah terbentuk daripada kesepakatan pandangan ahli-ahli Pertubuhan Bangsa Bersatu yang tidak berpandukan kepada agama. Walaubagaimanapun, terdapat banyak matlamat SDGs adalah merujuk kepada landasan nilai-nilai Islam iaitu membanteras masalah kemiskinan dan kelaparan. Selain itu, ia juga selari dengan Maqasid Syariah yang melindungi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh yang demikian, sekiranya kutipan zakat lebih banyak dikumpul maka lebih banyak peranannya dalam kehidupan sosial, kebajikan dan pembangunan ekonomi ummah. Ini dapat membantu lebih ramai asnaf yang memerlukan sumbangan zakat untuk meneruskan kehidupan mereka.

WAKALAH ZAKAT PERNIAGAAN ETIQA TAKAFUL

Wakalah adalah antara akad yang sangat penting dalam muamalat Islam dan pelaksanaannya boleh disesuaikan dengan keperluan semasa masyarakat Islam di zaman ini. Manusia tidak mampu untuk melaksanakan semua perkara kerana keterbatasan ilmu pengetahuan, kepakaran, tenaga, masa dan sebagainya. Penggunaan akad wakalah adalah termasuk dalam prinsip tolong-menolong dan membawa kemaslahatan dalam setiap urusan umat Islam.

Program wakalah agihan zakat merupakan salah satu medium untuk Etiqa Takaful melaksanakan program berimpak tinggi bagi membantu golongan asnaf di negeri Kedah. Salah satu daripada agenda pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh pihak Etiqa Takaful adalah melalui program-program pendidikan.

Oleh yang demikian, melalui projek wakalah agihan yang ditawarkan oleh LZNK, pihak Etiqa Takaful telah menjalankan program strategik dengan Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia untuk membantu anak-anak asnaf di negeri Kedah. Program biasiswa Pelajar Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah telah diwujudkan melalui Program Wakalah Zakat Perniagaan Etiqa Takaful.

Antara objektif program ini adalah bagi melahirkan pakar kewangan Islam terutamanya berkaitan dengan bidang takaful dan zakat dalam kalangan anak-anak asnaf yang cemerlang dan membasmi kemiskinan melalui program pendidikan. Selain itu, program ini juga turut menjalinkan kerjasama strategi antara tiga pihak iaitu Etiqa Takaful, LZNK dan UUM. Hasil kerjasama ini juga akan menghasilkan penyelidikan dan penerbitan berkaitan zakat dan takaful yang lebih berimpak untuk rujukan semua pihak.

BIASISWA UNTUK PELAJAR PASCASISWAZAH

Program ini telah memberi peluang kepada anak-anak asnaf untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti dan menonjolkan potensi diri mereka secara optimum. Pelajar akan ditaja sebanyak RM28,800 seorang yang meliputi yuran pengajian, bantuan sara hidup, penerbitan jurnal dan bantuan dokumentasi tesis. Tiga orang pelajar sarjana mode penyelidikan telah dipilih melalui sesi temuduga yang telah dijalankan oleh IPIZ, UUM iaitu:

Jadual 1: Senarai Penerima Biasiswa

BIL.	JURUSAN PENGAJIAN	TAJUK PENYELIDIKAN
1	Master of Science (Statistics)	Developing Zakat Kedah Recipient Index (ZAKRI) and Model The Criteria of Zakat Applicant
2	Master of Islamic Business Studies	Strategi Institusi Zakat Dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs): Kajian di LZNK
3	Master of Islamic Business Studies	Kesan Zakat Terhadap Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Psikologi Golongan Remaja

Syarat-syarat permohonan:

- i. Keutamaan diberikan kepada anak-anak asnaf yang cemerlang atau keluarga yang berpendapatan rendah yang merupakan pemastautin Negeri Kedah Darul Aman.
- ii. Calon belum bekerja dan belum berkahwin.
- iii. Umur di bawah 30 tahun ketika memohon.
- iv. Pengajian secara mod penyelidikan dibawah IPIZ UUM dengan kerjasama Pusat Pengajian lain yang berkaitan.

Bidang kajian yang menjadi tumpuan adalah:

- i. Zakat
- ii. Takaful
- iii. Perakaunan zakat dan takaful
- iv. Psikologi dalam zakat dan takaful
- v. Pemasaran zakat dan takaful
- vi. Pengurusan sumber manusia zakat dan takaful
- vii. Fintech dalam zakat dan takaful
- viii. Fiqh dan perundangan zakat dan takaful
- ix. Pengurusan Risiko dalam zakat dan takaful
- x. Lain-lain bidang yang berkaitan dengan zakat dan takaful.

KESIMPULAN

Institusi zakat bukan sahaja berperanan untuk memastikan penyempurnaan syariat Islam, bahkan juga berperanan sebagai satu institusi sosial yang berpotensi untuk membangunkan ummah. Sekiranya zakat diagihkan dengan berkesan ia akan membantu meningkatkan sosio ekonomi golongan asnaf dan sebagai satu bentuk jaminan sosial bagi masyarakat yang memerlukan bantuan. Sehubungan dengan itu, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Universiti Utara Malaysia dan Etiqa Takaful telah berkolaborasi untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pascasiswazah. Kerjasama strategik ini telah memberikan satu pendekatan baharu terhadap agihan zakat melalui sistem wakalah dan memberi peluang kepada golongan yang tidak berkemampuan untuk meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Ia boleh dijadikan satu model kepada semua pihak yang ingin menyumbang dana zakat dalam memperkasakan lagi pendidikan anak-anak asnaf.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (2022). Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Hafizah Zainal, Zakaria Othman & Faisal Mustaffa. (2021). Pelaksanaan Model Sustainable Development Goals Dalam Inisiatif Pengurusan Zakat di Kedah. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*. Vol. 1(1).1-6
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Abdul Mannan. (2007). *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, (terj.)Radiah Abdul Kader. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen.
- Sayyid Sabiq, (1999). *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Sofian Ahmad & Amir Husni Mohd Noor. (2002). *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sustainable Development Goals. (2022). Dicapai pada 15 Disember 2022 di <https://www.undp.org/sustainable-development-goals>.
- Yusuf al-Qaradawi. (1973). *Fiqh al-Zakat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2010). *Ahkam wa Fatawa al-Zakah*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.